



**EMBARGO:** Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 12 tengah hari, Ahad 10 Disember 2023.

Untuk Terbitan Media

10 Disember 2023

## **SIARAN MEDIA**

### **HARI OKU SEDUNIA PUPUK KEPELBAGAIAN, KETERANGKUMAN**

#### **ALERT: 295 PESERTA MERIAHKAN SAMBUTAN**

**KUALA LUMPUR:** Sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Sedunia yang mengetengahkan usaha menyuntik kesedaran terhadap elemen kepelbagaian berlangsung penuh meriah dengan pembabitan 295 peserta.

Program yang bermula seawal jam 6 pagi, di pekarangan Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), di sini juga menyaksikan pelbagai acara menarik disediakan untuk peserta daripada segenap peringkat umur dan latar belakang.

Timbalan Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), John Riba Marin, menyifatkan program itu adalah wadah terbaik ke arah memupuk kesedaran rakyat Malaysia terhadap peri penting keterangkuman golongan OKU dalam masyarakat.

Beliau menaruh harapan bahawa pendekatan sedemikian berupaya mencetuskan semangat Malaysia MADANI yang turut meliputi usaha meraikan perbezaan, termasuk dari segi lahiriah.

“PERKESO dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dalam menjayakan program berunsur kesihatan, pemulihan serta penempatan pekerjaan.

“Justeru, program hari ini adalah titik permulaan aktiviti kerjasama lanjutan bersandarkan MoU yang dimeterai oleh PERKESO-UKM.

“Peranan PERKESO kepada golongan OKU adalah melalui perkhidmatan kemudahan pengurusan hilang upaya, dengan seramai 70,569 orang menerima manfaat ini bagi tempoh 2017 hingga 23 November lalu,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Acara tahunan Pusat Kajian Rehabilitasi dan Keperluan Khas (iCaRehab) UKM, bertemakan ‘Meraikan Kepelbagaian dan Keterangkuman Ke Arah Kesejahteraan OKU’ dirasmikan Ahli Dewan Negara (Wakil OKU), Senator Isaiah D Jacob.

Sementara itu, Pengarah Sambutan Hari OKU Sedunia 2023, Dr Zainora Mohammed, berkata penyertaan daripada pelbagai agensi pada program yang dianjurkan buat kali ketiga ini ialah manifestasi keterbukaan rakyat Malaysia untuk mendakap aspek kepelbagaian dalam kalangan golongan OKU.

Jelasnya, program sebegini juga bakal memacu tahap perkhidmatan kepada OKU yang ternyata mempunyai sumbangan unik terhadap pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

“UKM ingin menghargai sumbangan unik golongan OKU dan akan sentiasa memastikan keterangkuman golongan ini dalam kalangan masyarakat,” katanya.

Tamat

###

### **Mengenai PERKESO**

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip ‘Prihatin’ dan *‘leaves no one behind’*. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MyFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

**Dikeluarkan oleh:  
Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat  
10 DISEMBER 2023**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:  
Mohd Wazid Zaidon  
+6017-619 3181**

[wazid.zaidon@perkeso.gov.my](mailto:wazid.zaidon@perkeso.gov.my)